Asian Journal of Environment, History and Heritage
December 2019, Vol. 3, Issue. 2, p. 271-278
ISSN 2590-4213 e-ISSN 2590-4310
Published by Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre,
Institute of the Malay World and Civilization

TERAS ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN SEBAGAI SATU KEUNIKAN IDENTITI WARISAN BANGSA

('ADAT PERPATIH' NEGERI SEMBILAN AS A UNIQUE IDENTITY OF NATIONAL HERITAGE)

Shamsuddin Ahmad, Kamarul Afizi Kosman, Syukri Yeoh Abdullah & Mohd Nazim Abdul Gaman

Abstrak

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk membina satu teras Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Usaha untuk membina teras ini sangat penting kerana setakat ini masih belum terdapat satu teras adat yang tersusun yang boleh dijadikan panduan oleh pihak pembuat dasar dan pengamal adat itu sendiri untuk menerangkan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Melalui usaha ini, dijangka dapat membentuk kembali kefahaman masyarakat tentang adat tersebut kerana sebelum ini Adat Perpatih di Negeri Sembilan difahami secara tidak tersusun dan penyampaiannya mengikut kehendak dan kepentingan individu masing-masing. Di samping itu juga, teras tersebut dijangka dapat berfungsi sebagai alat yang membetulkan bicara dan menunjukkan kaedah yang tepat sewaktu menyampaikan informasi tentang Adat Perpatih. Data kajian ini telah dikumpulkan melalui proses temu bual dengan tokoh-tokoh adat, pemimpin-pemimpin Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM), tokoh-tokoh akademik Universiti Andalas dan orang awam. Data kajian ini juga dikumpulkan berdasarkan penelitian terhadap dokumen-dokumen tertentu. Bagi tujuan pembinaan kerangka Adat Perpatih Negeri Sembilan, teras Adat Minangkabau telah diubahsuai melalui proses asimilasi dan disesuaikan dengan Adat Perpatih yang diamalkan dalam konteks di Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud masalah-masalah tertentu dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih yang boleh menjejaskan kelangsungan adat itu pada masa akan datang. Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa teras Adat Perpatih Negeri Sembilan yang perlu dibina bagi mengatasi masalah yang timbul itu melibatkan beberapa teras utama antaranya berteraskan Islam, kepimpinan dalam Adat Perpatih, persempadanan adat dan wilayah dan kekerabatan matrilineal. Diharapkan keunikan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan ini dapat menjadi suatu khazanah rujukan dunia yang berharga.

Kata Kunci: Adat Perpatih, Adat Minangkabau, teras utama Adat Perpatih

Abstract

The main purpose of this study was to establish a core of Adat Perpatih in Negeri Sembilan. The effort to build this core is crucial as there is not yet a well-established custom core that can be guided by the policy makers and practitioners themselves to explain the Adat Perpatih in Negeri Sembilan. Through this effort, it is expected to re-establish the

community's understanding of the custom as previously the Adat Perpatih in Negeri Sembilan are poorly understood and their delivery is based on their individual needs and interests. In addition, the core is expected to function as a corrective tool and provide the right methods for communicating information about Adat Perpatih. The findings of this study were collected through interviews with custom leaders, leaders of the Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM), Andalas University academic figures and the public. The data of this study is also collected based on research on specific documents. For the purpose of building the Negeri Sembilan Custom Framework, the Minangkabau custom core has been modified through the assimilation process and adapted to the Adat Perpatih practiced in the context of Negeri Sembilan. The findings show that there are certain problems in the Adat Perpatih community that may affect the sustainability of the custom in the future. The findings of the study also found that the core of the Adat Perpatih Negeri Sembilan to be overcome to address the problems involved several core areas including Islam, leadership in the Adat Perpatih, customary and territorial boundaries and matrilineal kinship. It is hoped that the uniqueness of the Adat Perpatih in Negeri Sembilan can be a valuable world-class reference treasure.

***Keywords**: Adat Perpatih, Adat Minangkabau, the main patio of Adat Perpatih*

PENGENALAN

Adat Perpatih merupakan salah satu adat yang unik di Malaysia. Masyarakatnya mengamalkan sistem nasab ibu dan ini berbeza dengan Adat Temenggung yang perwarisan hartanya mengikut nasab sebelah bapa. Pada masa ini, pengamal Adat Perpatih yang sebahagian besarnya adalah masyarakat Melayu di Negeri Sembilan (kecuali Port Dickson), kawasan Naning di Melaka dan juga beberapa kawasan di Johor dan Selangor. Sebagai satu sistem dan cara hidup sebahagian masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, adat ini berada dalam keadaan terumbang-ambing di mana arus permodenan dan gaya hidup barat telah menyerapi generasi muda sekarang. Ianya telah menjadi satu memori yang dipenuhi lambang-lambang atau anggapan, terutamanya kepada generasi sekarang.

Adat Perpatih kini telah menjadi tontonan dan bukan lagi sebagai rutin kehidupan sehari-hari, kecuali pada tahap-tahap tertentu yang gagah kelihatan kepada yang melihatnya. Ada dalam kalangan masyarakat moden telah menggunakan simbol-simbol adat untuk kepentingan politik dan industri pelancongan serta dipamerkan atau ditonjolkan tanpa ada kandungan konseptualnya. Hal yang sedemikian telah menambah kekeliruan kepada masyarakat khususnya generasi muda, apatah lagi kepada masyarakat luar yang melihatnya. Jikapun mereka kagum, itu adalah tidak lebih daripada aksesori atau keunikan luaran yang mewarnai dan menghiasinya.

Perkembangan ini telah nyata jauh mengetepikan kestabilan adat tersebut dalam kehidupan moden. Alam fikiran orang Melayu telah bagaikan serambi kepada alam fikiran asing, duduk di pinggir fikiran barat. Kita lebih senang dan enak berada di serambi itu walaupun kita berada di luar rumah orang, sebagai orang dagang dan tetap orang dagang. Atau fikiran budaya yang asli telah kita tinggalkan terbiar, umpama halaman rumah terbiar, dahulu penuh dengan kembangan mekar, cantik dan menawan, kini tumbuh lalang menjadi onak mencucuk jari (Norhalim 1993).

Dalam jangka masa yang panjang, Adat Perpatih ini malahan juga adat-adat Melayu yang lain akan luput ditelan zaman. Adat ini jika dilihat masa sekarang dan dalam konteks jangka panjang dan futuristik telah mula terbenam dan kelak akan menjadi harta karun orang Melayu yang bernilai tetapi tidak lagi mampu dimanfaatkan. Malahan sekarang, adat ini susah untuk dikenal nilainya. Pemetaan dan pendokumentasian harus dilakukan dengan satu sistem dan kaedah yang sistematik agar kelak, jika generasi muda hendak mencarinya 'senang' dijumpai dan tepat penafsirannya. Ini kerana Adat Perpatih bukan saja amalan hidup sehari-hari, tetapi ia merupakan satu sistem yang kompleks yang telah lama diamalkan dengan penuh harmoni. Sebagai satu kebudayaan, Adat Perpatih adalah satu sistem kompleks yang terkandung dalamnya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika,

undang-undang adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalnya dan yang membezakannya dengan masyarakat lain (Norhalim 1998).

Adat sebagai satu tradisi lama sesuatu bangsa untuk mendapatkan cara hidup yang teratur menyarankan rasa perpaduan dan rasa saling mengerti, bukan saja harus dikekalkan tetapi harus ditanam dalam hati tiap-tiap orang kerana manusia ini sepertimana yang disebutkan oleh Dharmawijaya (1981):

Dikala hidup dikandung adat,
Dikala mati dikandung tanah,
Dimana bumi dipijak,
Disitu langit dijunjung,
Dimana air disauk,
Disitu ranting dipatah

Atas dasar itulah, Adat Perpatih yang kini wujud ketika manusianya berada dalam peralihan itu terpaksa menghadapi cabaran dunia moden yang setiap waktu semakin kuat. Lambang adat "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas" itu, daripada masa ke semasa sudah terasa sudah tidak dapat dipertahankan lagi. Kesan daripada cabaran ini, maka kedudukan Adat Perpatih yang dahulunya lancar, tenang dan tenteram, sekarang sudah nampak kekusutan dan kepincangannya. Justeru, pengkaji mengandaikan bahawa permasalahan yang berlaku dalam Adat Perpatih itu perlu diselesaikan segera melalui pembinaan satu kerangka adat yang boleh difahami secara sistematik dan mudah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebelum kedatangan Barat ke Semenanjung Tanah Melayu, khasnya di Negeri Sembilan, Adat Perpatih telah berjalan dan berlangsung dengan teratur dan penuh tertib di mana antara pemimpin dan masyarakat aturan perjalanannya berlaku dengan begitu baik sekali. Konsep, nilai dan falsafahnya serta amalannya berjalan dan telah disepakati secara bersama sejak nenek moyang lagi. Negeri Sembilan menerima Adat Perpatih sejak kurun ke-16, seiring dengan kedatangan orang-orang Minangkabau ke negeri ini. Dan sejak itulah pula adat ini menjadi dasar hidup yang telah diterima dengan mesra oleh perduduk sebagai peradaban baru, untuk menggantikan sistem hidup cara lama, yang berdasarkan animisme (Dharmawijaya 1981).

Namun, apabila penjajahan Inggeris bertapak di Negeri Sembilan, pengamalan Adat Perpatih ini mula ditinggalkan sedikit demi sedikit demi kepentingan penjajahan Inggeris itu sendiri. Mana-mana amalan adat yang merugikan mereka, telah diganti dengan amalan pentadbiran Inggeris yang dikatakan lebih baik dan sesuai tanpa memperdulikan kepentingan masyarakat yang dijajahnya. Keadaan ini lebih parah lagi dalam abad ke-21 apabila dunia terus berubah dengan membawa arus pemodenan yang labih laju dan telah menghinggapi bukan sahaja dalam kehidupan seharian pengamal Adat Perpatih tetapi telah membentuk semacam pola pemikiran yang baru kepada generasi muda pengamal adat. Sebagai contoh, dalam perhubungan antara masyarakat, sudah kurang kunjungan ke rumah saudara mara untuk menjemput kerapatan-kerapatan saudara sewaris. Pada masa sekarang penggunaan media elektronik yang canggih telah mereka gunakan, yang pastinya tatacara berkunjung, mengadap dan berbicara yang penuh tertib adat telah ditinggalkan.

Permasalahannya di sini, masyarakat pengamal Adat Perpatih dahulu kala biarpun tanpa mengguna tulisan dan tanpa merujuk kepada buku-buku adat, mereka amat mahir berbicara, mengajar, merujuk serta menyelesaikan segala perkara tentang adat. Ini disebabkan mereka mengamalkan sepanjang masa dan di setiap sudut kehidupan mereka dan pengamal adat bolehlah dianggap sebagai ilmu bergerak kepada adat itu sendiri. Keseluruhan perkara adat dalam bentuk apa jua disampaikan secara lisan, diterima secara lisan dan disimpan secara bersungguh-sungguh di dalam hati mereka. Tetapi semasa di zaman Inggeris memerintah, mereka hanya mementingkan perkara-perkara Adat Perpatih yang memberi kepentingan langsung kepada mereka sahaja dan perkara-perkara inilah sahaja yang direkodkan secara serius. Antara perkara yang telah Inggeris

rekodkan secara serius dan secara berterusan adalah berkaitan undang-undang pemilikan tanah dan sistem pemungutan cukai.

Permasalahan-permasalahan adat itu perlu dikaji secara teratur, teliti, sistematik, serius dan berterusan kerana adat ini telah berlangsung begitu lama. Dalam tempoh kelangsungannya pastilah telah banyak berubah baik secara disedari mahupun tidak, tetapi dalam masa yang sama sumber rujukan masih kurang, malah pakar-pakar rujukan dalam kalangan pengamal adat tidak seperti yang diharapkan disebabkan kurangnya ilmu yang diwarisi dan atas sebab-sebab yang tertentu mereka dengan sengaja membawa maklumat adat yang penting sehingga meninggal dunia. Situasi ini amat membahayakan dalam konteks memelihara kelangsungan adat itu di Malaysia. Pengkaji berpendapat dengan adanya teras Adat Perpatih, masyarakat akan dapat memahami, menyelidiki dan mengamalkan adat itu dengan lebih baik sampai bila-bila. Sayang sekali jika usaha-usaha ini tidak dibuat, dibimbangi adat ini boleh tenggelam begitu sahaja tanpa dinikmati oleh generasi akan datang. Oleh itu, pengkaji mengharapkan hasil kajian ini nanti mampu mencetuskan satu panduan untuk digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi memulihara dan memelihara agar Adat Perpatih agar tidak luput ditelan zaman.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneliti permasalahan-permasalahan berkaitan dengan adat dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
2. Membina struktur teras Adat Pepatih di Negeri Sembilan berpandukan kerangka Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau(LKAAM)

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian

Kajian ini menekankan kepada penggunaan pendekatan kualitatif kerana melaluinya pengkaji dapat membina makna, memahami konsep dan menerangkan secara terperinci sesuatu perkara dan proses. Pendekatan ini amat berguna kepada pengkaji kerana melaluinya juga pengkaji dapat meneliti dan mentafsir data dalam bentuk teks bagi membentuk fahaman baharu berkaitan dengan tajuk penyelidikan ini.

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian sejarah kerana rekabentuk ini dapat memberi kefahaman tentang asal usul sesuatu kejadian dan memberi perspektif tentang situasi masa kini (Mohd. Majid 1998). Berdasarkan penerokaan pengkaji terhadap kejadian yang berlaku pada masa lepas, pengkaji telah dapat memahami permasalahan-permasalahan berkaitan dengan adat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan memahami kerangka Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM) yang boleh digunapakai bagi membina struktur teras Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Prosedur pengumpulan data

Data kajian ini telah dikumpulkan melalui proses temu bual dengan tokoh-tokoh adat, pemimpin-pemimpin Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM), tokoh-tokoh akademik Universiti Andalas dan orang awam. Selain itu, data kajian ini juga dikumpulkan melalui penelitian atas dokumen-dokumen tertentu.

Prosedur menganalisis data

Data kajian ini akan dianalisis dengan memeriksa, mengklasifikasi, mentafsir dan menyimpulkan makna atas kata-kata dan teks daripada data temu bual dan penelitian dokumen (Norazam 2007).

Memberi makna kepada data melibatkan aktiviti pengkaji mencantumkan pelbagai data mengikut kategori atau tema yang sesuai dan tepat (Norazam 2007).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan banyak masalah yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih memberikan gambaran bahawa adat ini belum difahami dengan sewajarnya. Ketidakfahaman ini bukan sahaja terdapat diperingkat masyarakat bawahan, iaitu masyarakat biasa malah sehingga ke peringkat kepimpinan tertinggi baik dalam pentadbiran moden mahupun pentadbiran tradisi yang meliputi institusi Undang dan Penghulu. Di peringkat pembuat dasar dan pemutus dasar dalam pentadbiran moden, apabila kurangnya kefahaman dan kekeliruan tentang Adat Perpatih maka banyak keputusan yang dibuat serta dilaksanakan memberi impak yang tidak baik pada masyarakat. Bagi mereka Adat Perpatih ini hanya berkaitan dengan institusi Raja dan Undang sahaja serta hak milik tanah adat. Bagi pentadbiran tradisi, keperluan berkaitan protokol Istana dan Balai Undang lebih diberi keutamaan berbanding hal-hal berkaitan kelangsungan pengamalan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat yang dinaungi. Secara ringkasnya, permasalahan yang berlaku dalam Adat Perpatih adalah seperti berikut:-

a. Permasalahan tanggapan negatif masyarakat bahwa Adat Perpatih tidak selari dengan ajaran Islam

Tanggapan masyarakat umum dan khususnya generasi muda dalam masyarakat Adat Perpatih yang beranggapan adat ini tidak selari dengan ajaran agama Islam. Misalnya, seorang penceramah agama yang tidak memahami Adat Perpatih (Ustaz Azhar Idrus) telah memberikan gambaran bahawa Adat Perpatih ini bercanggah dengan Islam. Selain itu, penyanyi N. D. Lala dengan bersahaja dalam lagunya mempersendakan adat ini dalam lirik lagunya.

b. Permasalahan dalam pemimpin dan kepimpinan adat

Krisis pemimpin dan kepimpinan dalam Institusi Adat Perpatih yang berpanjangan. Perlantikan YTM Undang Luak Jelebu masih belum selesai hingga lebih daripada lima tahun. Sedangkan dalam adat, ianya perlulah diisi oleh penyandangnya dalam tempoh tiga bulan campur seratus hari. Begitu juga perlantikkan YTM Undang Luak Johol yang baru memerlukan satu jawatankuasa luar untuk memberi pandangan kepada kerajaan negeri sedangkan hal ini adalah masalah dalaman luak itu sendiri. Apabila pemimpin tertinggi menunjukkan contoh yang kurang harmoni, maka pemilihan Penyandang Pusaka Adat di peringkat bawahan mempunyai alasan pula jika sesuatu pemilihan berlakunya kekecohan dalam proses pemilihan ketua adat.

c. Permasalahan dalam persempadanan adat

Persempadanan adat yang tidak ada dalam rekod dengan tepat menimbulkan kekeliruan batas wilayah kekuasaan seseorang Undang atau Penghulu. Kesannya, ada pertindihan kuasa daripada segi adat dalam isu tanah, wilayah kekuasaan serta rujukan kepada pemimpin mana yang seharusnya perlu dirujuk jika timbul sesuatu masalah untuk diselesaikan. Bagi generasi muda, perkara tentang Persempadanan Wilayah Adat begitu asing kepada mereka apalagi bagi mereka yang berhijrah ke Negeri Sembilan. Perlu ada penerangan dan penandaan yang jelas seperti mana persempadan yang wujud dalam pentadbiran moden.

d. Permasalahan tentang kefahaman mengenai kekerabatan matrilineal

Kekerabatan matrilineal dalam masyarakat adat yang masih ramai yang tidak memahaminya lagi. Kesannya, ada yang menganggap masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan tunduk kepada orang perempuan dan orang perempuan lebih berkuasa walhal dalam hal ini lebih kepada suku, harta pewarisan pusaka dan jaminan kesejahteraan golongan perempuan dalam adat.

e. Permasalahan dalam memahami hal pemilikan dan perwarisan harta

Pemilikan dan pewarisan harta dalam Adat Perpatih. Harta pusaka, harta dapatan dan harta carian dalam adat mempunyai penyelesaian tersendiri dalam pemilikannya. Harta dalam adat adalah secara adat penyelesaiannya dan harta bukan adat maka secara agama pula untuk diselesaikan. Tapi bagi mereka yang tidak memahami adat beranggapan penyelesaian harta dalam adat adalah tidak Islamik. Banyak konflik dalam perkara ini dan penyelesaian secara adat dan agama adalah jelas apabila diteliti secara saksama.

f. Permasalahan dalam menyamakan Adat Minangkabau dengan Adat Perpatih

Secara umum masyarakat masih menyamakan Adat Minangkabau sama dengan Adat Perpatih. Pandangan ini berlaku baik kepada orang luar mahupun orang Negeri Sembilan sendiri. Baik kepada pelajar, pegawai kerajaan, pengajar, pelancong mahupun pada segelintir penyandang adat. Seolah-olah hampir segala yang ada dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah sama dengan Minangkabau. Keadaan ini telah berlangsung begitu lama. Adalah dapat dibezakan antara adat sini dengan Minangkabau daripada segi senibina, pakaian, makanan, seni muzik dan lagu, adat istiadat, peralatan adat, cerita rakyat, pantang larang dan sebagainya.

g. Permasalahan berkaitan aspek ekonomi

Adat Perpatih dianggap menghalang kemajuan ekonomi. Banyak tanah adat terbiar dan tidak diusahakan.

h. Permasalahan berkaitan aspek sosial

Kurangnya kegiatan gotong-royong dalam masyarakat. Konsep utama ini tidak dilaksanakan lagi dalam masyarakat. Hilang keakraban bila dalam majlis kenduri untuk adat perkahwinan, kedim, ke sawah semuanya telah menggunakan khidmat oang luar untuk menjayakan majlis serta kegiatan tersebut.

i. Permasalahan dalam aspek kesopanan dan kesusilaan

Kesopanan dan kesusilaan dalam masyarakat adat telah mula terhakis. Dalam Adat Perpatih perkara ini antara tunjang utama bermula daripada diri dan hubungan sesama masyarakat. Pada pemimpin perlu ada sikap ini terhadap masyarakat pimpinannya. Adab sebagai seorang pemimpin mulai ditinggalkan. Generasi muda tidak menghormati generasi tua. Kesopanan dan kesusilaan tidak lagi dianggap perkara utama dalam kehidupan seharian.

j. Permasalahan dalam aspek bahasa

Bahasa dalam adat seperti perbilangan, terombo dan pepatah tidak lagi dikuasai. Dalam majlis yang memerlukannya tidak lagi diamalkan. Timbul pepatah singkap daun ambil buah dalam majlis yang memerlukan penggunaan pepatah dan perbilangan.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Adat Alam Minangkabau yang diamalkan pada sebahagian besar masyarakat di Sumatera Barat mempunyai satu kerangka teras yang mantap. Usaha ini telah dijalankan oleh Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau atau singkatannya LKAAM. Pembinaan kerangka ini bagi memudahkan suatu penyampaian Adat Alam Minangkabau dapat disampaikan secara jelas, tepat dan menyeluruh. Apabila sesiapa sahaja ingin memahami secara menyeluruh berkenaan adat ini, perlulah diketahui dengan memahami dan menghayati setiap teras atau kerangka adat itu. Jadi, alangkah mudahnya kerangka atau teras Adat Perpatih diwujudkan juga bagi menghurai adat diguna pakai di Negeri Sembilan agar pengkaji dan pengamal mudah memahaminya. Teras atau kerangka yang dibina oleh LKAAM yang didapati bersesuaian dengan Adat Perpatih Negeri Sembilan adalah seperti berikut:-

a. Islam adalah teras utama.
b. Kepemimpinan dalam masyarakat Adat Minangkabau termasuk sistem kepemimpinan dan tingkatan pemimpin.
c. Sistem kekerabatan berdasarkan matrilineal.
d. Sistem Pemilikan harta yang meliputi harta dan pewarisan harta pusaka.
e. Seni budaya Minangkabau seperti rumah gadang, rangkiang, balai adat, pakaian adat, pelaminan, upacara adat dan kesenian.
f. Adat sopan santun yang meliputi bermasyarakat, individu dan sumbang dua belas pemimpin adat.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian mengenai permasalahan Adat Perpatih di Negeri Sembilan, jelas menunjukkan penyampaian berkaitan adat ini adalah tidak menyeluruh. Adat Perpatih hanya ditumpukan banyak daripada segi material dan aksesorinya sahaja. Masyarakat mengenali adat ini melalui adat perkahwinan meskipun banyak unsur tradisi telah hilang, senibina meskipun masih banyak kekeliruan tentang perbezaan dengan seni bina Minangkabau, ketidak fahaman kuatnya ikatan agama dengan adat, tiadanya kefahaman batas-batas persempadanan dengan jelas, tidak mengenali pemimpin adat, pemimpin adat kurang memahami tugas dan fungsi mereka kepada masyarakat, pembahagian harta pusaka dan harta dapatan dianggap menggunakan hukum yang sama, anggapan seni budaya Adat Perpatih sama dengan seni budaya Adat Minangkabau (berlaku sehingga hari ini), hilangnya sikap sopan santun dan amalan gotong-royong dalam masyarakat dan sebagainya lagi. Masyarakat baik pengamal mahupun dalam kalangan pemimpin moden dan pemimpin tradisi tidak mempunyai asas yang jelas tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan baik daripada segi kefahaman mahupun penyampaian yang tersusun apabila berhadapan dengan persoalan kehidupan dalam adat. Walhal, apa yang telah ada di sekeliling mereka sebenarnya telah cukup lengkap untuk dihuraikan. Di peringkat kerajaan negeri, Adat Perpatih sudah cukup lengkap dan hebat menandingi adat-adat kaum lain manakala setiap luak di Negeri Sembilan sebahagian besar pemimpin mereka tidak sedar bahwa luak mereka mempunyai kekuatan sebagai luak yang telah tersusun sebagai sebuah organisasi yang hebat.

Permasalahan yang berlaku itu memerlukan suatu tindakan yang efektif bagi menyelesaikannya agar dapat dipastikan kelangsungannya pada masa hadapan. Usaha untuk menghuraikan adat ini secara lengkap, teratur dan menyeluruh perlu diwujudkan melalui pembinaan teras Adat Perpatih Negeri Sembilan. Melalui teras itu, segala perkara tentang Adat Perpatih akan disampaikan secara tersusun dan masyarakat pula akan mudah memahaminya kerana disertakan dengan segala contoh yang dalam bentuk amalan. Apabila kerangka adat ini telah ada, mudah pula pihak kerajaan menyelaras ikatan dan kerjasama antara luak-luak yang ada dan setiap luak akan dapat mendefinasikan kekuatan dan keunikan mereka berdasarkan teras yang ada. Teras yang dicadangkan ini adalah mengikut kerangka yang diguna pakai di Minangkabau tetapi diubahsuai berdasarkan kekuatan dan keunikan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sepuluh teras Adat Perpatih Negeri Sembilan yang dibina adalah seperti berikut:

i. Berteraskan Islam.
ii. Kepemimpinan dalam Adat Perpatih.
iii. Persempadanan dan wilayah adat.
iv. Kekerabatan matrilineal.
v. Sistem pemilikan harta.
vi. Bahasa perbilangan, terombo dan perpatah.
vii. Ekonomi dalam adat.
viii. Seni budaya seperti senibina, makanan, muzik dan lagu, pakaian, adat dan istiadat, cerita rakyat dan pantang larang.
ix. Amalan gotong-royong.
x. Kesopanan dan kesusilaan.

Keperluan penyediaan teras Adat Perpatih Negeri Sembilan ini telah disokong oleh pemimpin-pemimpin adat dan dalam kalangan pengkaji dalam bidang Adat Perpatih. Diharapkan melalui pembinaan teras Adat Perpatih Negeri Sembilan ini akan menjadi suatu rujukan yang berharga kepada masyarakat umum dan para pengkaji yang berminat dengan adat.

RUJUKAN

Dharmawijaya. 1981. *Titian Zaman*. Kuala Lumpur: Macmillan.

Mohd. Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazam Othman. 2007. Discovering meanings from transcribed interviews: discussion on the use of 'content analysis' (as the primary data collection technique). *Proceedings of the 2nd Faculty of Built Environment*, hlm. 142-147. Johor Baru.

Norhalim Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan Dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Norhalim Ibrahim. 1997. Peranan Kepimpinan Dalam Adat Perpatih. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan* 1: 8-42.

Norhalim Ibrahim. 1998. *Sejarah Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Shamsuddin Ahmad
Pengarah
Lembaga Muzium Negeri Sembilan
E-Mel: shamsuddinahmad2016@gmail.com

Kamarul Afizi Kosman (Ph.D)
Pensyarah Kanan
Program Seni Bina
Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-Mel: kamarulafizi@ukm.edu.my

Syukri Yeoh Abdullah (Ph.D)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-Mel: syukri@ukm.edu.my

Mohd Nazim Abdul Gaman
Penolong Kurator
Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti
Kuala Pilah
E-Mel: pemasaran.lmns@gmail.com

Diserahkan: 11 Oktober 2019
Diterima: 03 Januari 2020